

Najib: Kerjasama Kuala Lumpur-Jakarta dipertingkatkan

UM-18/7/2007

KUALA LUMPUR 17 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak yakin kerjasama Malaysia dan Indonesia yang terjalin hampir 50 tahun dalam semua bidang akan terus dipertingkatkan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, dalam tempoh tersebut, walaupun kedua-dua negara mengharungi pelbagai peristiwa pahit dan manis dalam perjalanan sejarah, namun tali persaudaraan tetap kekal.

"Ini kerana usaha dan kerjasama pemimpin dan rakyat kedua-dua negara menjadikan hubungan semakin erat dan tidak dapat dipisahkan lagi.

"Hubungan Malaysia-Indonesia yang pada mulanya banyak tertumpu kepada bidang perdagangan, pendidikan dan keselamatan telah melampaui sempadan iaitu saling memberi bantuan semasa berlakunya bencana alam.

"Sehubungan itu, berdasarkan banyak usaha yang telah terjalin dan persamaan dalam mengharungi peristiwa bersejarah, sudah pasti kerjasama dalam semua bidang akan diperkukuhkan dengan lebih erat," katanya dalam ucapan perasmian Persidangan 50 Tahun Merdeka: Hubungan Malaysia-Indonesia di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Persidangan dua hari itu adalah anjuran Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya (UM) dengan kerjasama Kedutaan Indonesia. Sebanyak 67 kertas kerja akan dibentangkan dalam tempoh tersebut.